

Dr. Mahathir ikrar terus bekerja jayakan UMNO

UM 3 1 OCT 2003

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) yang terakhir dengan ikrar akan membalas budi baik UMNO kepadanya dengan bekerja keras bagi membantu UMNO memenangi pilihan raya akan datang.

Perdana Menteri berkata, UMNO telah memilihnya menjadi Presiden parti dan Perdana Menteri dan bagi membalas budi UMNO beliau akan memastikan UMNO terus mendapat sokongan daripada rakyat di negara ini.

“Sebagai membalas budi baik UMNO yang telah lantik saya sebagai Presiden dan Perdana Menteri, saya akan terus bekerja bagi menjayakan UMNO.

“Saya akan tolong dalam kempen pilihan raya dan kalau tidak ada pilihan raya, saya terus bekerja bagi memastikan UMNO mendapat sokongan daripada semua pihak terutama orang Melayu,” tegasnya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO yang terakhir di Ibu Pejabat UMNO di Pusat Dagangan Dunia

Putra (PWTC) di sini, yang dihadiri oleh kira-kira 200 wartawan dan jurugambar.

Sidang akhbar itu dihadiri oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Setiausaha Agung UMNO Tan Sri Khalil Yaakob, ketiga-tiga Naib Presiden, iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib.

Pada sidang akhbar itu juga Dr. Mahathir mengumumkan beliau akan meletakkan jawatannya sebagai Presiden UMNO, Perdana Menteri dan Bendahari UMNO pada pukul 3 petang esok.

Katanya, selepas pukul 3 petang esok Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memegang jawatan sebagai Pemangku Presiden UMNO sehingga diadakan pemilihan yang baru.

Katanya, ia adalah selaras dengan Fasal 9.9 Perlembagaan UMNO iaitu Timbalan Presiden akan memangku jawatan Presiden.

Fasa 9.9 Perlembagaan UMNO berbunyi: Jika Presiden berhenti maka Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan

itu sehingga diadakan Perhimpunan Agung untuk memilih Presiden Baru mengikut Fasa 9.3 dan ia mempunyai kuatkuasa mengikut Fasal 9.8.1.

Mengenai pelantikan Pemangku Timbalan Presiden, Dr. Mahathir berkata, soal itu tidak berbangkit sekarang kerana tidak ada peruntukan mengenainya dalam perlembagaan parti.

Bagaimanapun kata beliau, menurut perlembagaan parti, MT mempunyai hak untuk menentukan sesuatu jika tidak ada ketetapan dalam perkara berkenaan.

Abdullah akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima di Istana Negara petang esok.

Pada mesyuarat hari ini juga Perdana Menteri berkata, beliau telah memberi pandangan dan nasihat kepada ahli-ahli MT supaya terus memberi sokongan kepada parti dan berharap semua urusan parti akan berjalan dengan baik.

Katanya, sebagai sebuah parti yang sederhana, UMNO akan meneruskan cara dan dasar-dasar yang telah ditentukan oleh para pemimpin UMNO yang terdahulu.

Dr. Mahathir berkata, segala dasar yang diasaskan oleh para pemimpinnya yang terdahulu daripada Datuk Onn Jaafar hinggalah kepada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Razak Hussein dan Tun Hussein Onn akan diteruskan.

“Dasar yang ditentukan Tunku Abdul Rahman banyak mempengaruhi perjuangan UMNO.

“Tunku telah meletakkan prinsip-prinsip perkongsian kuasa, bekerjasama dan mewujudkan pentadbiran yang adil untuk semua kaum.

“Pada masa yang sama kepentingan Melayu dan bumiputera lain hendaklah dipertahankan dan berusaha memberi tempat kepada orang Melayu dan bumiputera lain dalam ekonomi negara,” tegasnya.